

SMK DATO' HJ HUSSEIN,PERAK.

PEPERIKSAAN PERCUBAAN
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA
5226/2
TASAWWUR ISLAM
KERTAS 2
SEPTEMBER 2012
2 ½ jam

Dua jam tiga puluh

minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi **tujuh** soalan.*
2. *Soalan satu mesti dijawab.kemudian jawab **empat** soalan daripada mana-mana soalan berikutnya.*
3. *Kesemuanya **lima** soalan yang mesti dijawab.*
4. *Jawapan anda hendaklah ditulis dalam kertas berasingan,sila pastikan nombor soalan ditulis dengan jelas,gunakan helaian baru bagi nombor soalan seterusnya Susun kertas jawapan mengikut susunan dan ikat dengan kemas.*

Kertas soalan ini mengandungi 4 halaman bercetak
[Lihat sebelah

SULIT

Soalan 1 mesti dijawab. Kemudian jawab empat soalan daripada mana-mana soalan berikutnya.

- 1 (a) (i) Nyatakan maksud Rububiyah [2 markah]
(ii) Jelaskan dua konsep Rububiyah [4 markah]
- (b) Allah S.W.T. memiliki nama-nama yang indah dan mulia. Senaraikan dua daripada nama-nama tersebut. [2 markah]
- (c) (i) Nyatakan pengertian wahyu mengikut istilah syarak. [2markah]
(ii) Jelaskan dua cara penurunan wahyu. [4 markah]
(iii) Nyatakan tiga sebab manusia memerlukan wahyu walaupun telah dikurniakan akal. [6 markah]
- 2 (a) (i) Nyatakan maksud Syumuliyah. [2 markah]
(ii) Senaraikan dua prinsip Syumuliyah. [4 markah]
(iii) Nyatakan dua contoh konsep Syumuliyah dalam bidang ekonomi. [4 markah]
- (b) (i) Nyatakan maksud fitrah beragama. [2 markah]
(ii) Huraikan dua ciri orang yang beragama. [4 markah]
- (c) Terangkan dua cara sesaorang menghayati sifat Rabbaniah Islam [4 markah]
- 3 (a) Ajaran sesat merosakkan akidah umat Islam.
(i) Apakah maksud ajaran sesat. [2 markah]
(ii) Nyatakan dua ciri ajaran sesat. [4 markah]
(iii) Jelaskan dua langkah untuk membentaras ajaran sesat. [4 markah]
- (b) Madinah merupakan negara Islam pertama yang diasaskan oleh Rasulullah SAW.
(i) Nyatakan maksud Negara Islam. [2 markah]
(ii) Jelaskan dua matlamat pembentukan negara Islam. [4 markah]
(iii) Setiap individu mempunyai hak dan tanggungjawab terhadap negara. Jelaskan dua tanggungjawab pelajar terhadap negara. [4 markah]

- 4 Pekerjaan menjadi ibadat apabila memenuhi syarat-syarat tertentu.
- (a) Terangkan **dua** syarat sesuatu pekerjaan menjadi ibadat. [4 markah]
 - (b) (i) Jelaskan **dua** sumber harta yang haram beserta contoh. [4 markah]
(ii) Terangkan **dua** kesan memperoleh harta secara halal kepada individu [4 markah]
 - (c) (i) Huraikan **dua** sebab Islam melarang pencerobohan harta. [4 markah]
(ii) Terangkan **dua** cara membendung pencerobohan harta. [4 markah]
- 5 Hukum yang ditentukan oleh Allah SWT menjadi panduan bagi setiap mukallaf untuk melakukan amalan atau pekerjaan dalam kehidupan.
- (a) (i) Nyatakan pengertian hukum sunat. [2 markah]
(ii) Jelaskan **dua** hikmat penetapan hukum sunat terhadap umat Islam. [4 markah]
(iii) Senaraikan **empat** contoh perbuatan sunat. [4 markah]
 - (b) Perbuatan jenayah yang berleluasa menyebabkan keharmonian masyarakat tergugat.
 - (i) Nyatakan maksud jenayah. [2 markah]
 - (ii) Senaraikan **empat** contoh perbuatan jenayah. [4 markah]
 - (c) Jelaskan **dua** keistimewaan perundangan Islam. [4 markah]

6 Islam amat menitikberatkan pendidikan.

- (a) (i) Nyatakan pengertian Kecemerlangan Pendidikan menurut Islam. [2 markah]
(ii) Jelaskan **dua** cara untuk membentuk kecemerlangan dalam pendidikan. [4 markah]
- (b) Masalah yang dihadapi mestilah diselesaikan dengan cara yang baik.
Senaraikan **empat** perlakuan dalam penyelesaian masalah. [4 markah]
- (c) Nyatakan **dua** contoh masalah sosial yang sering berlaku pada masa kini. [2 markah]
- (d)

Dirikanlah solat, sesungguhnya solat itu adalah fardu yang ditentukan waktunya atas orang-orang yang beriman. (Maksud Surah An-Nisa' ayat 103)

(i) Terangkan **dua** sebab ramai pelajar enggan menunaikan solat. [4 markah]
(ii) Cadangkan **dua** langkah untuk mengatasi masalah tersebut. [4 markah]

7 Maksud Firman Allah S.W.T.

... Allah menghalalkan jual beli dan mengharamkan riba ...

(Surah al-Baqarah ayat 275)

- (a) (i) Apakah maksud riba. [2 markah]
(ii) Jelaskan **dua** sebab masih terdapat di kalangan umat Islam yang mengamalkan riba. [4 markah]
(iii) Huraikan **dua** cara menghindari amalan riba. [4 markah]
- (b) Perkahwinan dapat membentuk keluarga bahagia.
(i) Terangkan **tiga** tanggungjawab ibu bapa terhadap anak-anak. [6 markah]
(ii) Jelaskan **dua** bukti perkahwinan dapat membentuk akhlak manusia. [4 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT